

Bab 4

Keputusan Pilihan Raya 1999

Keputusan Pilihan raya umum 1999 telah mencatatkan satu perubahan penting daripada perspektif pemilihan kerajaan oleh rakyat. Mereka mempunyai kuasa untuk menentukan kerajaan mana yang menerajui negara. Keputusan pilihan raya kali juga telah mencerminkan betapa prestasi UMNO dan parti-parti komponen BN agak goncang.

"Apa pun, dari keputusan pilihan raya ini juga menunjukkan rakyat mempunyai kuasa mutlak. Mereka boleh menjatuhkan sesebuah kerajaan atau sebaliknya. Kekalahan BN di Terengganu dan keupayaan Pas mengekalkan kerusi Parlimen dan negeri di negeri-negeri itu adalah testimoni bahawa dalam demokrasi apa saja boleh berlaku".¹

Keputusan pilihan raya umum tahun 1999 dapat dicerminkan melalui jadual dimuka surat sebelah. Secara tidak langsung keputusan ini dapat menyerlah betapa berlaku peningkatan prestasi dan penurunan prestasi parti UMNO/BN dan parti-parti pembangkang lain.

Jadual 15: Jadual Keputusan Pilihan Raya 1999 untuk Kerusi Parlimen

(P) dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang didapati oleh Parti bertanding

Negeri (Jumlah Kerusi yang Ditandingi)	BN		PAS		DAP		KEADILAN		LAIN ₂	
	P (193)	N (394)	P* (63)	N* (238)	P (47)	N* (89)	P* (59)	N* (67)	P (67)	N* (25)
Perlis	3	12		3						
Kedah	7	24	8	12						
Kelantan	1	2	10	41			3			
Terengganu		4	7	28			1			
P. Pinang	6	30		1	4	1	1	1		
Perak	20	35	2	3	1	4		1		
Pahang	11	30		6		1		1		
Selangor	17	42		4		1		1		
N. Sembilan	7	32								
Melaka	4	21			1	4				
Johor	20	40								
K. Lumpur	6				4					
Labuan	1									
Sabah	17								PBS 3	
Sarawak	28									
Jumlah	148	281	27	98	10	11	5	4	3	

Sumber: *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.²

* Kerusi Parlimen parti PAS - 62.

* Lain-lain parti pula mempunyai kerusi

*Kerusi DUN parti PAS - 236

DUN - 27

*Kerusi DUN parti DAP - 86

(Lihat MASSA, 27 November 1999, 'Pilihan

*Kerusi Parlimen parti Keadilan- 60

raya paling sengit', hlm. 14)

*Kerusi DUN parti Keadilan- 69

Beberapa ciri-ciri menarik keputusan Pilihan Raya 1999 dapat diperolehi dariapada fakta Pilihan Raya 1999 dibawah.

Fakta Pilihan Raya 1999

1. Jumlah kerusi yang ditandingi

Parlimen	: 193 kerusi
DUN	: 394 kerusi

2. Jumlah pemilih

Parlimen	: 9,564,071 orang
DUN	: 7,341,040 orang

3. Jumlah keluar mengundi

Parlimen	: 6,880,914 orang
DUN	: 5,422,671 orang

4. Peratus mengundi

Parlimen	: 71 peratus
DUN	: 74.6 peratus

5. Undi rosak terendah

P15	: Tanjung Aru (111 undi)
N14	: Bachang, Melaka (0 undi)

6. Undi rosak tinggi

P121	: Selandar (1,926 undi)
N14	: Penggaran, Johor (1,345 undi)

7. Peratus undi rosak

Parlimen : 2.52 peratus

DUN : 2.09 peratus

8. Undi tertinggi

P140 : Teberau Datok Mohd Ali Hassan (BN)- 49,290 orang

N32 : Pasir Gudang, Johor, Datuk K.S. Balakrishnan (BN)-
25,691 orang.

9. Undi terendah

P155 : Sipitang, Awangku Tengah Pengiran Dait, (Bebas)-155
undi.

N3 : Jertih / Terengganu, Wan Mohamad Wan Abas (Bebas)-
66 undi.

10. Majoriti tertinggi

P140 : Teberau (35, 527 undi)

N 32 : Pasir Gudang, Johor (17,307 undi)

11. Majoriti terendah

P47 : Bukit Bendera (104 undi)

N32 : Cini, Pahang (5 undi)

12. Calon wanita yang menang

44 daripada 61 yang bertanding

Parlimen : 19 orang

DUN : 25 orang

13. Yang hilang wang pertaruhan (Parlimen)

Bebas - 23 orang

MDP	- 11 orang
Pas	- 3 orang
DAP	- 2 orang
Keadilan	- 2 orang
Berjasa	- 2 orang
Akim	- 1 orang
Star	- 1 orang ³

Ulasan keputusan

Pilihan Raya 1999, telah meninggalkan ‘parut-parut’ tebal dalam sejarah pilihan raya di Malaysia apabila BN dan juga parti pembangkang telah membuat kejutan. Di dalam BN, ramai muka-muka veteran yang dirasakan bersesuaian untuk mengekalkan jawatan mereka dalam kabinet BN telah tercicir. Empat Menteri pusat telah tewas dalam pilihan raya yang berlangsung pada 29 November 1999. Mereka ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub (Parit, Perak), Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdul Hamid Othman (Sik, Kedah), Menteri Kewangan Kedua, Datuk Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Anuar Musa. Turut sama ‘kecundang’ ialah Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad yang gagal untuk mempertahankan kerusi DUN Cukai, Terengganu selepas memimpin negeri itu selama 25 tahun. Tidak dilupakan, nasib ‘buruk” DAP apabila menerima pukulan paling teruk; pengerusinya Dr. Chen Man Hin, Timbalan Pengurusnya, Karpal Singh dan Setiausaha Agungnya, Lim Kit

Siang tewas di kawasan masing-masing. Penyokong DAP telah menyalahkan pakatan dalam Keadilan menjadi punca kemerosotan prestasi DAP dalam pilihan raya kali ini.⁴

Kekalahan Timbalan Pengurus BN Kelantan Datuk Mustapa Mohamed, sebagai sesuatu yang tidak diduga, namun semua ini tidak akan membantu usahanya untuk membangunkan Jeli. Mustapa tewas kepada calon Pas, Mohd Nasir Mat (bekas Setiausaha politiknya) dengan majoriti 693 undi dengan memperolehi 14,830 undi.⁵

Bagaimana dengan prestasi calon wanita?

Setakat yang diketahui, pencapaian calon wanita agak baik iaitu seramai 44 orang daripada 61 orang percalonan menang dengan 9 orang untuk kerusi Parlimen dan 25 orang bagi kerusi DUN. Malang bagi BN kerana daripada 43 orang calon 5 orang telah tewas dan 3 orang lagi tewas di Kelantan.

Antara ahli Parlimen wanita yang berpengalaman yang masih mempertahankan kerusi mereka:-

- 1- Datuk Seri Rafidah Aziz (Kuala Kangsar)
- 2- Datuk Paduka Zaleha Ismail (Gombak)
- 3- Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman (Paya Besar)
- 4- Datuk Sharizat Jalil (Lembah Pantai)
- 5- Seripah Noh, Syed Husin (Sepang)

Sementara itu, muka-muka baru yang berjaya dalam pilihan raya kali ini ialah Senator Mastika Junaidah Husin daripada Parlimen Arau (majoriti undi 1,586 undi), bekas wartawan *Utusan Melayu*, Rosnah Majid (DUN Tanjung Dawai),

Ketua Wanita MCA Datuk Dr. Ng. Ten Yen (Parlimen Raub) dan bekas wartawan *China Press*, Chew Mei Fun (Parlimen Jaya Utara).⁶

Berdasarkan kepada undi popular, BN hanya meraih 56.01 peratus undi dalam pilihan raya kali ini berbanding 65 peratus pada pilihan raya 1995. UMNO mencapai prestasi yang amat buruk di kawasan majoriti pengundi Melayu ramai, Pas juga tidak begitu berjaya di Kedah, Pahang, dan Selangor. Di Kelantan, Pas menguasai 41 kerusi DUN manakala BN menguasai 2 kerusi DUN dan bagi kerusi Parlimen, Pas telah memperolehi 10 kerusi, meninggalkan sebuah kerusi Gua Musang kepada Ku Li.

Sementara itu, di Terengganu, Pas telah menguasai 28 kerusi, dengan menyapu bersih 8 kerusi Parlimen. Di Kedah pula, Pas mara dengan 12 kerusi DUN berbanding 24 bagi BN, Pas mendapat 8 kerusi Parlimen berbanding 7 kerusi untuk BN. Berasaskan prestasi ini, ingin saya ulangi sekali lagi, UMNO tidak boleh berbangga dengan kejayaan kali ini kerana jelas di sini bilangan kerusi yang diperolehi merosot. Selain di Johor, UMNO mendapat sebahagian besar undinya dengan bantuan UMNO Sabah.⁷

Di samping itu, beberapa veteran UMNO agak terkejut dengan kekalahan BN/UMNO terutamanya di Terengganu dan keupayaan Pas bertapak kukuh di Pahang dan beberapa buah negeri. Tan Sri Mustafa Jabar berpendapat, kemenangan Pas di Terengganu semacam satu amaran berhubung kemaraan pembangkang selepas parti itu berjaya menguasai Kelantan. Seorang lagi veteran UMNO, Tan Sri Aishah Ghani juga agak kecewa dengan sikap rakyat Terengganu yang menolak BN, walaupun parti BN telah menyumbang besar terhadap pembangunan negeri.

Beliau percaya keupayaan pembangkang memenangi pilihan raya ini kerana teknik ‘perang saraf’ yang bertopengkan wajah Datuk Seri Anwar Ibrahim yang lebam untuk menagih simpati rakyat. Di Pahang, BN telah kalah 8 kerusi DUN, Pas berjaya menawan 6 kerusi iaitu di Tahan, Penor, Kuala Lumpur, Pahang, Jengka, Semantan, Guai, manakala di Chini, BN tewas tipis kepada Keadilan dengan 5 undi. Di Peringkat Parlimen, walaupun majoriti undi merosot, namun BN berjaya menyapu bersih 11 kerusi Parlimen. Setiusaha Agung UMNO, Tan Sri Mohd. Khalil Yaacob mendapat majoriti 7,361 undi untuk menewaskan calon Keadilan, Fauziah Salleh. Ketua Wanita UMNO, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman pula berjaya mempertahankan kerusi Paya Besar menewaskan Wan Jusoh Wan Kolok (Keadilan) dengan majoriti 3,563 undi.⁸

Realitinya, keputusan pilihan raya ini perlu dijadikan iktibar. Kerusi Parlimen yang dimenangi UMNO pada pilihan raya kali ini semakin berkurangan, khususnya di kawasan Semenanjung Malaysia. Di Sabah, penguasaan UMNO di Parlimen terus mantap, sejak parti itu mengembangkan sayapnya ke negeri di bawah bayu itu pada tahun 1991, mereka kekal dengan 11 kerusi yang dimenangi pada Pilihan Raya 1995. Kali ini UMNO yang bertanding 12 kawasan Parlimen di Sabah dan Labuan, menang semua dengan peningkatan jumlah majoriti.

Angin perubahan yang melanda Kelantan dan Terengganu turut melanda Kedah, antara kerusi yang hebat dipertandingkan ialah kerusi Sik diterajui oleh Datuk Dr. Abdul Hamid Othman yang kalah ke tangan Shahnon Ahmad dan Datuk Badruddin Amiruldin yang tewas dengan majoriti kecil di Yan. Pencapaian 148 kerusi daripada jumlah keseluruhan 193 kerusi Parlimen, BN mengatasi

jumlah 132 kerusi pada Pilihan Raya 1995 (Jumlah ini bertambah kepada 162 kerusi selepas pilihan raya berikutan perpindahan parti antara wakil Parti Melayu (S 46).⁹

Dalam soal ini, kita tidak boleh menyalahkan mana-mana pihak kerana ini semua boleh dikatakan usaha gigih Pas dan pemimpin UMNO negeri lebih sibuk dengan menghabiskan banyak masa untuk menyelesaikan masalah dalaman daripada usaha-usaha meminggirkan dan menjatuhkan lawan dalam parti. Ditambah dengan kebijaksanaan Pas membuat percaturan dalam meletakkan calon-calon mereka bertanding di kawasan-kawasan yang berpotensi untuk menang, dan memberi keutamaan kepada kawasan yang majoriti undi kurang daripada 2,000 undi pada pilihan raya 1995.¹⁰ Kempen Pas lebih berupa fitnah kepada kerajaan, sokongan golongan terpelajar mahupun generasai muda dan pembangkang juga mengambil kesempatan daripada kes Anwar Ibrahim.

Presiden Pas, Fadzil Noor juga menyatakan kempen secara berterusan oleh BN melalui pihak media telah menambahkan simpati orang ramai kepada pihak pembangkang, ditambah apabila Tan Sri Sanusi Junid tidak turun padang untuk melihat sendiri apa yang berlaku. Selama tiga tahun, rakyat masih tidak dapat melihat sebarang perubahan pembangunan fizikal dan Tan Sri Sanusi Junid terlalu berani mengambil risiko dengan mengemukakan calon-calon baru yang tidak menyokong orang bawah dan bukan anak tempatan. Di kawasan Padang Terap, Baling, Kuala Kedah, Jerlun dan beberapa kawasan DUN, calon yang bertanding hanya dikenali oleh pengundi semasa hari penamaan calon sahaja.¹¹

Laporan mengatakan bahawa pembangkang telah menggunakan taktik kotor apabila dapat di kesan di dalam kotak pengundi yang memilih parti pembangkang hanya perlu menambah satu lagi garis silang sebagai tanda memangkah parti tersebut, undi dikira rosak jika pengundi memangkah pada kotak bersebelahan lambang BN kerana di bahagian kotak lambang parti pembangkang telah bersedia satu garisan lain. Kesilapan cetak sesetengah kertas undi pos dan apabila dipangkah BN, tidak sah dan jika di pangkah parti pembangkang dianggap sah.¹²

Bagaimana pula dengan Parti Keadilan?

Kekalahan pemimpin Keadilan Marina Yusoff, Zainur Zakaria, Muhammad Nur Manutu, Chandra Muzaffar, Ezam Mohd. Nor, Tian Chua, dan Irene Fernandez memerlukan semua pihak. Dua pemimpin Keadilan yang menang ialah Presidennya, Datin Seri Dr. Wan Azizah (Permatang Pauh) dan bekas setiuasaha sulit Anwar Ibrahim iaitu Azmin Ali (Hulu Kelang)

"Dalam tempoh lima tahun lagi menunggu pilihan raya umum ke-11, parti itu tidak akan berdaya untuk bergerak, ia akan ditanam terus."¹³

Keputusan pilihan raya tahun ini menampakkan Perlis turut diancam dengan belenggu pembangkang, ini turut dialui oleh Datuk Shahidan Kassim mengakui walaupun BN menang, tetapi kerusi yang dimenangi dalam kedudukan yang tidak selesa.

"BN akan menjalankan post mortem untuk mengenal pasti punca-punca yang menyebabkan majoriti yang di menangi oleh calon BN berkurangan," katanya kepada pemberita selepas pengumuman BN berjaya mendapat mandat 2/3 di Dewan Residenensi.¹⁴

BN Perlis menang 12 daripada 18 kerusi DUN, 3 buah kerusi lagi jatuh ke tangan Pas seperti di Sanglang (Hashim Jasin), Guar Sarji (Ahmad Ali) dan Santan.

(Zolkharnain Abidin). ¹⁵ Semua yang kecundang ini ialah ahli-ahli UMNO yang telah berusaha untuk mempertahankan kerukunan parti politik ini, hasil daripada gabungan dengan parti politik lain dalam komponen BN.

Realitinya, negeri yang berjaya dirampas oleh Pas, ialah Terengganu dan Kelantan. Pas berjaya menawan semula Terengganu selepas 40 tahun berada di bawah cengkaman BN. Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad (Cukai) turut tewas di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), beliau ditewaskan di kerusi yang dipegangnya sejak pilihan raya 1974 dengan majoriti 436 undi kepada calon Pas Awang Jusoh.

Yang Di Pertua Pas Negeri, Haji Hadi Awang telah menghadap Sultan Terengganu bagi mendapatkan perkenan membentuk kerajaan. Rasa simpati kepada BN kerana hanya memenangi 4 daripada 32 kerusi DUN Seberang Takir (Datuk Abdul Rashid Ngah), Telemong (Tengku Putera Tengku Awang), Kemasik (Datuk Abu Bakar Ali) dan Ajil (Rasol Wahid).

Datuk Yusof Noor (Parlimen Besut), Datuk Idris Jusoh (DUN Kampung Raja), Datuk Abu Bakar Daud (Parlimen Kuala Terengganu), Datuk Tengku Mahmud Mansor (Parlimen Setiu), dan Ruslan Awang Chik (DUN Ladang). Sebanyak 70 peratus daripada 387,399 pemilih keluar mengundi bagi memilih 8 anggota Parlimen dan 32 ahli DUN. Pengurus Perhubungan UMNO Negeri, Tengku Razaleigh Hamzah yang menang di kerusi Parlimen Gua Musang, antara yang kalah-Datuk Annuar Musa, Datuk Mustapha Mohamad serta Senator Datuk Ibrahim Ali.¹⁶

Enam bulan sebelum pilihan raya rakyat Terengganu telah didedahkan kepada kes yang mengancam kedudukan kerajaan seperti, ia berupa ceramah yang disadur daripada Kelantan ke Terengganu, diburukkan lagi dengan isu Anwar Ibrahim, sikap kakitangan kerajaan, kaum wanita yang bersimpati dengan isteri dan anak Anwar Ibrahim. Rakyat Terengganu turut berkecil hati kerana hanya Kelantan yang mendapat pengiktirafan projek. Hasilnya Pas menyapu bersih 8 kerusi Parlimen, 4 daripada 32 kerusi DUN.¹⁷

Semua ini bukanlah alasan untuk BN, khususnya UMNO berdiam diri dan mengambil langkah "tunggu dan lihat".

"Kita kalah di Terengganu kerana Pas mempunyai usaha untuk menakutkan rakyat dan jaminan mereka bahawa orang yang mengundi Pas boleh ke syurga teleh dapat mempengaruhi sesetengah orang, (dan) ada juga orang yang bekerja dengan agensi kerajaan (membantu mereka)."

"... tetapi kita terima hakikat itu (kehilangan negeri) kerana negara demokrasi dan dalam pilihan raya kemungkinan untuk kalah adalah sama besarnya dengan kemungkinan untuk menang," kata Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad.¹⁸

Kerajaan bukan hanya 'tunggu dan lihat' tetapi turut melakukan '*post mortem*' untuk mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh parti UMNO. Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan seharusnya ditutup dan segala urusan berkaitan dengan pembangunan di negeri itu diserahkan kepada kerajaan Pas. Kenyataan ini turut diakui oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Ibrahim Ali yang berpendapat, kewujudan JPP Kelantan dalam konteks sekarang sudah tidak relevan lagi kerana kerajaan sendiri menolak pembangunan.

Bagi menangani masalah ini Datuk Seri Najib Tun Razak meminta UMNO melakukan perubahan di semua peringkat sehingga ke akar umbi bagi mengembalikan keyakinan rakyat terhadap parti itu. Budaya memberi teguran yang

ikhlas perlu ditanam di kalangan ahli-ahli UMNO bagi memastikan setiap kelemahan yang ada dapat ditangani. Berikut adalah pendapat Datuk Seri Najib:

"Ini tidak ... bila jumpa saya melawat kawasan, kata semuanya tidak ada masalah, tetapi kini kita lihat sendiri apa yang berlaku."

"Yang lebih menyedihkan kita kalah di Chini hanya 5 (lima undi- Datuk Wan Razali Wan Mahussin)."¹⁹

Bagaimana pula dengan pihak parti pembangkang Pas?

Mereka sering menuduh kerajaan tidak cukup liberal terhadap mereka, mahupun begitu, akhbar suara parti *Harakah* hanya untuk ahli parti mahupun telah dijual kepada orang ramai, tanpa sebarang tindakan oleh pihak kerajaan. *Harakah* menjadi ejen berkesan bagi kempen memburukkan UMNO, BN dan kerajaan.

Mereka mendakwa medium ini sebagai faktor penting yang membolehkan kemenangan mereka. Di Kedah sebagai contoh, jika tidak ada kesedaran tentang tindak tanduk kerajaan BN terutamanya yang menyalah gunakan kuasa dan menggenepikan hak rakyat, seperti dalam isu pengambilan tanah, tentulah undi Pas tidak bertambah dengan banyak.

Sejak pilihanraya 1990, pelbagai usaha dilakukan untuk menawan Terengganu, strategi dilakukan apabila personaliti calon yang tepilih mewakili Pas harus lebih awal mendekati rakyat, menyuarakan kepentingan mereka, menyelami kesukaran dan kepayahan hidup sehari-hari. Senang di dekati dan tidak mengamalkan politik kontrantasi. Begitu juga dengan kedudukan Pas di Kedah.²⁰ Selepas era Mahathir, Kedah cukup berpotensi menjadi milik Pas seandainya berjaya di rumuskan pendekatan politik terbaik dengan masyarakat bukan Islam dan memantapkan pengundi Melayu yang tidak puas hati dengan pemimpin UMNO.

Jadual dibawah lebih merupakan perbandingan yang dibuat untuk mengenai kerusi Parlimen dan DUN yang dimenangi oleh UMNO dalam Pilihan Raya 1995 dan 1999.

Jadual 16: Jadual jumlah kerusi yang dimenangi UMNO pada 1995 dan 1999


Negeri	Tahun 1995		Tahun 1999	
	P	N	P	N
Perlis	3	13	3	10
Kedah	13	25	5	16
Kelantan	2	2	1	2
Terengganu	7	24	0	4
Pulau Pinang	4	12	3	10
Perak	11	30	9	26
Pahang	8	28	8	28
Selangor	8	30	8	26
N. Sembilan	4	20	4	20
Melaka	3	18	3	16
Johor	13	25	13	25
K. Lumpur	3		3	
Labuan	1		1	
Sabah	11		11	
Sarawak				

Sumber: *Berita Harian*, 1 Disember 1999.


21

Graf 4

Graf 4: Jumlah Kursi Parlemen Yang Dimenangi Oleh UMNO Pada 1995&1999



Grafs



Jadual dan graf muka surat sebelah telah menunjukkan bahawa memang telah berlaku kemerosotan prestasi UMNO. Misalnya kerusi Parlimen yang dimenangi oleh UMNO di Kelantan pada 1995 ialah 2 kerusi telah merosot kepada sebuah kerusi, manakala bagi Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor, tiada perubahan daripada segi bilangan kerusi Parlimen pada tahun 1995 dan 1999. Kerusi DUN di Terengganu turut merosot daripada 24 kerusi untuk tahun 1995 kepada empat kerusi pada tahun 1999.

Faktor-faktor kemerosotan prestasi UMNO

Kemerosotan prestasi UMNO dianggap sebagai kejayaan parti-parti pembangkang, khususnya Pas dan Keadilan telah mengeksplotasikan serta memanipulasikan isu-isu yang tidak sempat ditangani oleh UMNO secara berkesan, contohnya isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan UMNO serta 'layanan tidak profesional', dakwaan yang dikenakan kepadanya sehingga ada poster-poster yang memaparkan gambar beliau yang menjulang penumbuk dengan mata lebam sebelah terpampang di merata-rata tempat. Dakwaan-dakwaan yang 'Anwar adalah mangsa konspirasi peringkat tertinggi UMNO', 'UMNO diseksa oleh Mahathir', 'UMNO menghukum Anwar untuk memusnahkan Islam' telah disebarluaskan secara meluas.

Isu (isu nasional) lain yang digunakan berkaitan dengan pembangunan pendidikan dan sosial, program ponswastaan, rancangan pembangunan jangka panjang, isu bayaran tol dan banyak lagi kemudahan yang dirasakan perlu diberi oleh kerajaan . Pas juga telah memperalatkan pelajar-pelajar institusi pengajian

tinggi untuk memboikoi tindakan kerajaan yang dirasakan agak menekan, pelajar yang telibat ialah golongan yang berperanan besar untuk memancing undi orang ramai. Mereka mengadakan demonstrasi dan mogok sebagai tanda tidak puas hati mereka, sambil melaungkan kata-kata fitnah.

Segelintir pengikut Pas pula merasakan yang keputusan pilihan raya ini berat sebelah.²³ Kecaman yang dilakukan oleh mereka terhadap Dr. Mahathir Mohammad yang dikatakan mempunyai hubungan dengan Yahudi. Malahan petikan daripada *Harakah* melaporkan *West Australian Newspaper Ltd* dengan jelas memberi isyarat bahawa Majlis Hal Ehwal Yahudi Australia/ Israel (AIJAC) dan Jawatankuasa Yahudi mahu BN menang dalam pilihan raya ke- 10 ini.²⁴

Menjelang pemilihan UMNO, jentera kempen parti-parti pembangkang khususnya PAS dan Keadilan mantap serta effisien sehingga mampu melaksanakan majlis-majlis ceramah setiap malam di pelbagai tempat di seluruh pelosok negara. Melalui aktiviti- aktiviti tarbiah, usrah dan kolokium, pengaruh Pas merebak dan keyakinan pengundi-pengundi Melayu meningkat. Program disurau dengan Majlis Sambutan Maulidur Rasul, Musabaqah Al Quran dan perbincangan *konseptual* dan *epistemologi* Islam oleh UMNO agak berkurangan.

Tidak dapat dinafikan, bahawa pengaruh Pas di negeri-negeri utara dan timur Semenanjung Malaysia berkait rapat dengan institusi pengajian agama. Perkaitan antara Pas dengan institusi pengajian Islam tidak dapat dinafikan. Pondok-pondok pengajian Islam di Terengganu, Kelantan dan Kedah menjadi kubu kuat Pas sehingga pada saat ini.

Pas dan Keadilan memanfaatkan teknologi *audio/ visual/ teknologi maklumat terkini*, khususnya *internet*, laman *web* Pas dan Keadilan yang dikunjungi oleh ramai pelayar *internet* dan telah melemparkan pelbagai dakwaan dan tohmahan. Selain itu, ulasan saya sebelum ini menunjukkan betapa persediaan yang lengkap oleh parti lawan atau pembangkang untuk memenangi Pilihan Raya 1999.

Penglibatan negara luar dan pemimpin mereka seperti Amerika Syarikat dengan kedatangan Al Gore, Madeline Al Bright dan Robert Rubin turut memberi kesan kepada kemerosotan prestasi UMNO. Kedatangan mereka ini yang lebih bermotifkan diplomatik telah bertukar menjadi suatu campurtangan politik. Ini semua dilakukan sebagai satu kritikan terhadap pemerintahan Perdana Menteri Malaysia yang dikatakan berani di arena antarabangsa. Campurtangan ini semacam memberi sokongan kepada tindakan pihak pembangkang, ini ditambah dengan campurtangan oleh negara jiran rantau ini seperti Filipina yang mulai masuk campur dalam soal pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Tidak lupa pula pihak media asing yang mengambil kesempatan daripada insiden ini dan menulis artikel yang dangkal tentang keadaan Malaysia dibawah teraju kepimpinan UMNO.

Pas telah menampal poster di Machester, Britain yang berbunyi *UMNO, going overboard and stupid*, turut ditampal ialah poster parti Pas dan Keadilan berhampiran BBC's Broadcasting House dan sepanjang Oxford Street. Semua ini sekali gus telah mencemarkan nama UMNO dan negara dimata antarabangsa dan

jika tidak dibendung keadaan ini hanya akan memecah belahkan orang Melayu di negara ini.²⁵

Pada saya perkara asas yang terpenting ialah perpecahan pemimpin UMNO diperingkat bahagian telah semacam ‘memakan diri sendiri’. UMNO kucar kacir dengan tindakan yang tidak berdasarkan kesetiaan oleh penyokongnya dan ada juga yang berpaling tадah. UMNO harus memantapkan jenteranya sendiri sebelum menuding jari kepada faktor lain yang menjadi pemangkin kepada kemerosotan prestasinya. Kadangkala calon yang dipilih juga kurang berkaliber. Perpecahan UMNO ini membawa kepada tertubuhnya Keadilan.²⁶

Di Kedah pula, kemerosotan kerusi UMNO berikutan calon telah terlalu lama tinggal di Kuala Lumpur dan tidak sebatи dengan aspirasi masyarakat setempat. Tan Sri Sanusi Junid mengekalkan Datuk Abu Bakar Taib di Langkawi memberi kelebihan kepadanya kerana manyandang kerusi Parlimen Langkawi itu mempunyai pengaruh yang kuat di kawasan itu.²⁷

Pendapat Ketua Pemuda UMNO, Datuk Hishamuddin Hussein:

“rakyat sebenarnya sedang meneliti moral pemimpin dan merasa mual dengan gelagat para pemimpin yang mempamerkan kemewahan secara berlebihan.”²⁸

Kelemahan lain ialah dari segi pengurusan pilihan raya oleh SPR yang tidak begitu kemas kerana ada insiden pengundi yang dulunya namanya ada kini tiada, nama pengundi telah tukar ke kawasan Jain dan merumitkan pengundian.²⁹ Apatah Perdana Menteri sendiri menyatakan beliau sendiri tidak berpuas hati dengan cara pengendalian undi dijalankan dan mengesyaki ada penyelewengan berlaku dikalangan pegawai SPR.³⁰

Seorang penyokong kuat UMNO yang menggunakan nama samaran ‘Ahli UMNO Seumur Hidup’ dari Yan, Kedah memperihalkan antara punca keretakan pengaruh UMNO dalam pilihan raya ke 10 baru-baru ini ialah sikap penyokong UMNO yang kurang mengambil berat pertambahan pengundi baru dalam peti undi dan kawasan masing-masing walaupun kenyataan ini sukar dibuktikan tetapi inilah kenyataan yang sebenarnya yang berada di hadapan kita. Selain itu, sikap sambil lewa, berbangga dengan kemenangan yang lalu (1995) menyebabkan kita pun lupa bahawa nadi dan nyawa pilihan raya kita sebenarnya berada di situ, apatah lagi dalam masa yang sama pihak pembangkang begitu giat dan agresif melakukannya.

Sebagai ahli UMNO, sewajarnya kita membuang perasaan iri hati, khianat dan sikap ‘aku yang lebih layak daripada dia’, dendam dan sebagainya supaya perjuangan parti lebih utama daripada segala-galanya, misalnya insiden silap menulis namanya dalam borang percalonan yang hampir-hampir menyebabkan nama Perdana Menteri tersingkir dan tindakan dikenakan kepada Naib Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu, Datuk Saad Man yang kemudian dilaporkan telah meletakkan jawatannya sebagai setiausaha politik.³¹

UMNO perlu melakukan satu perubahan bagi menarik generasi muda menyokong kerajaan. Evolusi ini bukan sahaja akan dapat mengubah minda tetapi UMNO harus mengakui kemenangan calonnya kali ini samada di bandar atau kampung sedikit sebanyak dimantapkan dengan sokongan orang bukan Melayu. Pas tidak dapat diterima pengundi bukan Melayu. Pengundi Cina dan India mengundi BN kerana tidak mahu mengambil risiko kestabilan negara terjejas di

samping menyedari kebaikan yang dibawa oleh komponen itu selama ini. Walaupun sokongan padu dua kaum ini diterima, berpecahnya undi Melayu menyaksikan banyak kawasan calon UMNO ditentang Pas, walaupun menang, majoritinya berkurangan.

Malah di kawasan yang selama ini adalah kubu kuat UMNO, pembangkang masih mampu menang walaupun majoritinya kecil. Barangkali pembangkang mampu meraih undi lebih banyak jika tidak disekat oleh pengundi bukan Melayu. Trend pengundi Melayu yang memihak kepada calon pembangkang kali ini, walaupun belum sampai tahap membimbangkan, semacam satu amaran awal untuk BN terutamanya UMNO. Bagaimanapun trend di kalangan pengundi Melayu ini tidaklah menyeluruh hingga boleh menafikan majoriti 2/3 BN.

Pengundi Melayu seolah-olah muak dengan percakaran sesama pemimpin UMNO sehingga mereka mengambil keputusan menyokong Pas. Saya percaya terdapat banyak lagi faktor yang mengalihkan pemilihan pengundi Melayu kepada pembangkang, antaranya iaitu soal calon BN/UMNO yang tidak lagi mempunyai kewibawaan terutamanya di Kelantan dan Terengganu, menjadi penyebab utama.

Asasnya, UMNO perlu berterus terang dalam hal ini, mencerminkan diri sendiri dan membetulkan kesilapan dengan segera, tanpa menundung jari kepada orang lain berikutan kekalahan dan seharusnya mengambil iktibar daripada keputusan ini untuk mendalami kenapa kepercayaan pengundi Melayu merosot. Generasi muda perlu memastikan orang lama tetap bertahan dalam usaha meneruskan perjuangan UMNO. Kestabilan UMNO akan ‘pupus’ dan ketuanan Melayu hilang jika pengundi kaum itu terbahagi kepada dua.

Mengikut ruangan Forum Hujung Minggu, surat pembaca (pencinta UMNO) dari Pulau Pinang bertajuk "*UMNO perlu buat langkah drastik*" mengariskan beberapa langkah asas untuk mengembalikan prestasi cemerlang UMNO dengan :

- * Pertama, jangan sekali melantik walaupun seorang menteri penuh, Timbalan Menteri mahupun Senatornya dari Kelantan. Orang Kelantan sendiri tidak menghargai tokoh-tokoh mereka yang telah berkhidmat, mengapa pula UMNO perlu melantik.
- * Kedua, tutup terus Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan kerana rakyat Kelantan tidak pernah menghargai apa yang kerajaan pusat berikan. Mereka merasakan dapat hidup bahagia dibawah pemerintahan Pas. Tindakan UMNO umpama ' hidung tak mancung, pipi tesorong-sorong.'
- * Ketiga, tutup terus peluang anak Kelantan daripada berkhidmat di dalam kerajaan Persekutuan, kerajaan Negeri dan swasta. Maksudnya di sini, mereka tidak boleh dihalang menerima pendidikan, tetapi setelah tamat belajar boleh mencari kerja di kelantan.
- * Keempat, pihak media sepatutnya tidak tertipu dengan muslihat pemimpin Pas seperti Nik Aziz Nik Pa dan terkini Haji Hadi Awang kerana mereka sering mengeluarkan kenyataan yang 'sedap-sedap' dan 'lembut-lembut' memuji Kerajaan Persekutuan.
- * Kelima, UMNO perlulah lebih rasional kerana sudah 10 tahun rakyat Kelantan tidak mahu sedar, jadi kita perlu biarkan mereka sedar sendiri. Lebih baik UMNO tumpukan kepada negeri-negeri yang masih menyayangi UMNO seperti Kedah,

Perak, Selangor dan lain-lain.³² Seharusnya disemai sifat muhasabah diri, adakah sumbangan kita terhadap parti selama ini sudah sampai tahap maksimum ataupun kita mengharapkan parti memberi sumbangan semaksimum mungkin kepada kita.

Kekalahan di Kelantan dan Terengganu harus dijadikan pengajaran, kesedihan yang dirasakan harus diganti dengan rasa bersyukur dan berusaha lagi untuk memantapkan kestabilan parti. Wakil rakyat UMNO yang terpilih perlu menyemai sifat muhasabah dan segera mengikis sifat bermewah-mewah, orientasi pemikiran perlu dilakukan agar memahami bahawa wakil rakyat bukanlah mereka yang boleh bermewah-mewah kerana tugas mereka ialah menjaga perpaduan rakyat. UMNO Kelantan, Terengganu dan Pahang disaran bersatu tenaga dan mengerakkan jentera parti secara bersama bagi memastikan perpaduan yang lebih kukuh kelak.³³

Pembentukan kabinet baru 2000

Pengkajian tentang pembentukan kabinet baru ini perlu untuk meneliti kesan jangka panjang selepas pilihan raya. Kerana seperti sedia maklum selepas sebuah kerajaan dibentuk, kabinet baru akan diumumkan. Tetapi pilihan raya 1999, memberi impak apabila ramai muka baru telah dilantik dan pelbagai perubahan lain berlaku.

Pembentukan kabinet yang telah diadakan pada 10 Disember 1999 telah menyaksikan perlantikan sembilan orang menteri baru. Sesuatu yang memerlukan apabila tiada wakil Pantai Timur dilantik, ini berikutan prestasi UMNO yang kurang 'menyengat' di sana.

Kejutan lain sepanjang pembentukan kabinet ialah perlantikan Bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Musa Mohamad menerajui Kementerian Pendidikan. Manakala, Datuk Abdul Hamid Othman telah dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Berikut adalah senarai muka-muka baru dalam kabinet:-

- 1- Tan Sri Bernard Dompok- Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- 2- Datuk Dr. Rais Yatim- Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- 3- Datuk Dr. Fong Chan Onn- Menteri Sumber Manusia.
- 4- Datuk Ong Kah Ting- Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- 5- Datuk Nazri Abdul Aziz- Menteri Pembangunan Luar Bandar.
- 6- Datuk Hishammuddin Tun Hussein- Menteri Belia dan Sukan.
- 7- Datuk Effendi Norwawi- Menteri Pertanian.
- 8- Datuk Azmi Khalil – Pembangunan Luar Bandar.

Menteri yang tidak disenaraikan ialah Bekas Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud, Setiausaha Agung MCA/ bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan- Datuk Dr. Ting Chew Peh; bekas Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat- Datin Paduka Zaleha Ismail dan tiga Menteri yang tewas dalam pilihan raya lalu iaitu Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub (Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Datuk Mustapa Mohamed (Menteri Kewangan Kedua / Menteri Pembangunan Usahawan) dan Datuk Anuar Musa (Menteri Pembangunan Luar Bandar). Turut tidak tersenarai ialah bekas Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar Mustpha dan Menteri Sumber Manusia. Datuk Ling Ah Lek, Pengurus Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Tengku

Razaleigh Hamzah (Ku Li), turut tidak tersenarai. Ini mungkin berikutan pencapaian mereka yang kurang baik dalam pilihan raya 1999.³⁴

Pendapat Dr Mahathir Mohammed:

"perlantikan 'orang luar' memberi peluang kepada golongan cerdik pandai yang berkebolehan untuk memberi sumbangan kepada kerajaan." selar beliau.

"mungkin ada suntikan idea-idea baru kerana kita dapat ramai daripada cerdik pandai yang ada di luar, umpamanya tak dapat serta UMNO secara berkesan sebab proses naik pangkat dalam cawangan dan bahagian mengambil masa yang terlalu panjang; kata beliau lagi." kata beliau lagi.³⁵

Perubahan-perubahan lain ialah Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman beralih daripada Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Bekas Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib dilantik sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan. Manakala bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Mohd Shariff Omar sebagai Timbalan Menteri Pertanian. Bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Isnin telah dilantik sebagai Setiausaha Perliment Kementerian Dalam Negeri.

Jawatan Timbalan Menteri telah mencerminkan ramai muka-muka. Mereka terdiri daripada Tengku Azlan Sultan Abu Bakar dan Datuk Sharizat Abdul Jalil (di Jabatan Perdana Menteri), Datuk Zainal Abidin Zin dan Datuk Chor Chee Heung (Kementerian Dalam Negeri); Mohamed Khaled Nordin (Kerja Raya); Hanifah Aman (Perusahaan Utama), Datuk Tan Chai Ho (Tenaga, Komunikasi dan Multi media), Datuk Zainal Dahalan (Sains, Teknologi dan Alam Sekitar), Dr. Tan Chee Kwong (Tanah dan Pembangunan Koperasi). Ini perlu untuk membawa kejayaan kepada BN. Kriteria utama bergantung kepada keupayaan calon untuk menang dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada parti.³⁶

Bagaimanapun sebelas jawatan Timbalan Menteri masih kekosongan iaitu Datuk Ibrahim Ali (Jabatan Perdana Menteri), Datuk Dr. Ibrahim Saad

(Kementerian Pengangkutan), dan Dr. Tengku Mahmud. Empat yang lain tidak bertanding iaitu Datuk Wong See Wah (Kementerian Pembangunan Koperasi) dan Datuk Teng Gaik Kwan (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan). Empat kekosongan bagi jawatan Setiusaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Datuk M. Mahalingam dan ramai lagi.³⁸

Perlantikan lebih ramai calon wanita untuk menganggotai Exco Kerajaan Negeri di seluruh negeri, membuktikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak pernah mengabaikan penyertaan wanita dalam usaha membantu meningkatkan kemajuan negara. Penghargaan seumpama itu mencerminkan keprihatinan Perdana Menteri untuk memberi peluang wanita menyumbangkan perkhidmatan berkualiti selain membantu menyelesaikan masalah berkaitan wanita dan keluarga, ketika negara menuju ke alaf baru.

Pendapat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman, berkata:

"Ini bukan sahaja membuktikan Perdana Menteri sentiasa menghargai sumbangan wanita, malah beliau yakin terhadap kemampuan wanita untuk membantu membangunkan negeri masing-masing menerusi tanggungjawab yang diberi," katanya.³⁹

Bagaimanapun, Datuk Dr. Seri Mahathir Mohamad masih tidak berpuas hati dengan prestasi wanita kerana tidak ramai yang memenuhi kriteria pemimpin.

"Walaupun jumlah menteri wanita berkurangsan satu, kita masih mengekalkan jumlah penyertaan wanita kepada lima iaitu dengan menambah jumlah Timbalan Menteri.

Saya kesal kerana saya tidak boleh menyenaraikan tiga menteri wanita. Saya ingin mempunyai tiga atau lebih tetapi ia tidak dapat dilakukan... tapi kita akan menebusnya dengan cara lain," katanya.⁴⁰

Keputusan perlantikan kabinet baru memuaskan hati ramai pemimpin, 4 umpamanya Ahli Parlimen Muar, Dr. Robia Kosai, yang dilantik sebagai

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Tanah dan koperasi berpendapat perlantikannya sebagai satu peluang kepada barisan muka baru untuk menyumbangkan khidmat kepada negara.

“ Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepada saya memegang jawatan itu. Insya Allah, saya akan menjalankan tugas dengan sebaik mungkin,” ujar beliau yang merupakan seorang doktor lulusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).⁴¹

Ahli Parlimen Ledang, Hashim Ismail, (54 tahun) yang dilantik sebagai Setiusaha Parlimen Kementerian Kewangan berkata:-

“ Saya juga amat berterima kasih kepada pengundi-pengundi BN di Johor Bharu yang telah memilih dan meletakkan saya di tempat seperti sekarang”, ujarnya.⁴²

Sementelahan itu, Ahli Parlimen Santubong, Rohani Abdul Karim menyifatkan perlatikannya sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Bandar sebagai tugas yang mencabar dan perlu dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.⁴³

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Jemaah Menteri baru kerajaan adalah kabinet yang bersifat *responsive*, yang dapat meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat:

“ Di samping itu mereka dapat meneruskan usaha pembangunan yang selama ini telah pun dijalankan dan perlu dipertingkatkan lagi.” katanya ketika diminta mengulas barisan kabinet baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia.”

“ Jawatan menteri adalah amanah daripada rakyat. Dengan kesodaran ini, pemegang-pemegang jawatan itu akan mengelakkan diri daripada sebarang perbuatan yang bercanggah dengan apa yang diamanahkan. Segala kesilapan yang pernah dilakukan oleh menteri-menteri terdahulu sepanjang sejarah . Bermula dari situ, kita harapkan alaf baru akan menyaksikan kerajaan yang cekap dan tangkas, sejajar dengan kehendak rakyat lebih ‘*sofiscated*’.”⁴⁴

Sungguhpun, pembentukan kabinet ini diselenggarakan dengan sebaik mungkin, namun masih terdapat ‘garis-garis hitam’ yang mencacat celakan keuntuhan UMNO. Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu percaya terdapat kira-kira sepuluh orang ahli UMNO yang membeto dan menjadi

perancang untuk membolehkan Pas mengambil alih pemerintahan di negeri ini pada pilihan raya umum lalu.

Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Dr. Tengku Mahmud Mansor berkata, pada masa ini pihaknya sudah mengenal pasti beberapa orang ahli berkenaan:

"UMNO negeri akan memberi tumpuan untuk mengambil tindakan terhadap mereka ini yang menghasut ahli-ahli lain supaya jangan menyokong BN." Dan "setakat ini kita percaya tidak lebih 10 orang yang terbabit bertindak sedemikian pada pilihan raya lalu," kata Mahmud.⁴⁵

Bagi saya semua ini mungkin dilakukan atas perasaan tidak puas hati Terengganu kerana tiada wakil dalam kabinet. Tetapi kenyataan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Negeri, Zaleha Long boleh melenyapkan kebimbangan rakyat Terengganu.

"Kita serahkan kepada Perdana Menteri menentukan barisan kabinetnya. Kita yakin beliau (Dr. Mahathir) lebih arif... Walaupun tidak ada wakil dari Terengganu dalam kabinet yang diumumkan oleh Perdana Menteri, namun ini bukan bermakna Terengganu disisihkan... Kita yakin Kerajaan Pusat ada rancangan untuk membantu Terengganu," katanya.⁴⁶

Sungguhpun begitu, masih ada konflik yang terjadi di sebalik pembentukan kabinet baru 2000, Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid mengumumkan pengundurannya dan keputusannya turut dipersetujui oleh Perdana Menteri kita. Jawatan beliau di beri kepada Datuk Syed Razak Syed Zain.⁴⁷ Semasa memegang jawatan itu, beliau cuba mengisi lima jawatan Exco, antara nama yang mengisi kekosongan ialah Adun Tanjung Seri, Fadzil Hanafi-Adun Tanjung Dawai, Rosnah Majid dan Adun Alor Merah- Ahmad Bashah Md. Hanipah.⁴⁸

Natijahnya, kabinet baru Malaysia tidak akan menimbulkan sebarang masalah kerana mendapat sambutan daripada semua pemimpin BN. Tengku Razaleigh Hamzah tidak terkilan walaupun tidak disenaraikan dalam kabinet.

Mengenai perlantikan bekas Timbalan Presiden parti Melayu Semangat 46 (S46), Datuk Dr. Rais Yatim sebagai Menteri di Jabatan Menteri. Ku Li berpendapat:

" dia ahli UMNO dan menepati kriteria yang ditetapkan oleh Perdana Menteri. Baguslah dia di bawa masuk ke dalam kabinet, baguslah... saya rasa dia boleh memainkan peranan untuk membantu Perdana Menteri. Kita menghadapi banyak masalah menjelang alaf baru ini," jawabnya.⁵⁰

Majoriti negeri-negeri Melayu bersetuju dengan perlantikan kabinet baru. Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata kerajaan negeri Perak menyokong penuh senarai kabinet yang diumukan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, dan ianya satu usaha untuk menyediakan barisan pemimpin pelapis pada masa depan. Perak berbangga dengan perlantikan empat pemimpin negeri itu yang dilantik sebagai Timbalan Menteri. Selain daripada Tan Sri Ramli Ngah Talib, turut dilantik ialah Ahli Parlimen Bagan Serai, Datuk Zainal Abidin Zin (Dalam Negeri); Datuk Aziz Shamsuddin (Pendidikan) dan Ahli Parlimen Taiping, Datuk Kerk Choo Ting (Perdagangan Antarabangsa dan Industri). Ahli Parlimen Gerik, Khamsiyah Yeop pula dilantik sebagai Setiusaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri.⁵⁰

Di samping itu, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob menyifatkan pengguguran Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Bukit Ibam yang juga bekas Timbalan Menteri Besar, Datuk Hasan Arifin daripada Exco Kerajaan Negeri sebagai perkara biasa.

Beliau turut mengulas:

"Saya sendiri tidak dapat menjamin kedudukan saya sebagai Menteri Besar. Ketika dilantik menggantikan Tan Sri Mohd Khalil Yaakob pada Mei lalu, ada orang meramalkan saya mungkin menjadi Menteri Besar beberapa bulan saja sebelum pilihan raya umum, tetapi sekarang saya dilantik semula sebagai menteri Besar," katanya.⁵¹

Veteran UMNO melahirkan keyakinan dan rasa puas hati mereka dengan kabinet baru yang memikul tanggungjawab dengan baik. Pengurus Tetap UMNO, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah berkata beliau yakin dan berpuas hati dengan barisan kabinet yang mengabungkan muka baru dan lama.

Tokoh veteran wanita UMNO, Tan Sri Aisyah Ghani berpendapat:

"Jawatan tak penting. Yang penting kita mesti berikan komitmen kepada pucuk pimpinan sebagai tanda kecintaan kepada negara," katanya.⁵²

Kabinet terakhir yang dibentuk pada abad ke 20 ini pada umumnya mengekalkan tradisi yang sedia ada iaitu berlandaskan kepentingan BN, negara, pengalaman dan pendedahan tokoh baru demi kesinambungan masa depan. Kabinet ini disusun untuk pengekalan *status quo*, kejutan dan beroreintasikan masa depan.⁵³

Apa kata orang ramai?

Kebanyakan mereka berpendapat, kabinet baru yang dibentuk bertenaga dan mampu membawa pembaharuan besar kepada corak pemerintahan negara selaras dengan kedatangan alaf baru.

Pesara, Mohd Isa Mohamed, 57 tahun, berharap kabinet baru itu akan membawa perubahan kepada rakyat dan negara, terutamanya dalam aspek pendidikan yang menampilkan orang akademik. "...kabinet akan membawa lebih manfaat kepada rakyat terutama generasi akan datang."⁵⁴

Nasib parti pembangkang

Saya suka untuk memperihalkan nasib yang melanda DAP dengan tewasnya 'dua gergasinya' iaitu Lim Kit Siang dan Karpal Singh, alasan yang digunakan ialah, Lim Kit Siang sejak awal lagi telah diberi amaran agar tidak berkerjasama dengan Pas, tetapi tidak mempedulikannya dan sanggup

menanggung risiko.⁵⁵ Tanpa pemimpin yang berkaliber, parti ini dijangka menghadapi masalah mendapatkan sokongan, ditambah dengan masalah dalaman seperti soal kewangan, yang mungkin agak sukar untuk ditangani.⁵⁶

Presiden Pas Pusat, Datuk Fadzil Noor berpendapat kurangnya kerjasama Pas dari segi strategi kempen menyebabkan kekalahan terutama di Pulau Pinang.

Alasan yang digunakan ialah:

"Kebanyakan kawasan yang ditandingi oleh DAP ialah kawasan bandar yang jumlah ahli Pas tidak besar," jelasnya.⁵⁷

Presiden Keadilan, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail mendakwa strategi BN menyebarkan propaganda meluas menerusi media massa tempatan menjadi faktor kekalahan Barisan Alternatif.

"...terutama pengundi bukan Melayu 'termakan' dengan taktik menakut-nakutkan mereka terutama mengenai penubuhan negara Islam,... pengundi bukan Melayu menganggap keadaan itu sebagai ketidakstabilan dan menyebabkan undi beralih kepada calon BN," katanya.⁵⁸

Pembangkang juga berpendapat bahawa kemenangan UMNO dan BN dalam pilihan raya kali ini disebabkan kerajaan menggunakan isu propaganda perkauman untuk menarik perhatian lebih ramai pengundi bukan Melayu⁵⁹. Alasan mereka ialah UMNO kini tidak begitu disenangi oleh bangsa Melayu yang merasa terancam dengan tindakan UMNO, dengan mengambil hati pengundi bukan Melayu BN secara tidak langsung berjaya memperolehi majoriti 2/3 undi.

Pembangkang Pas juga mengimpikan untuk membentuk kabinet mereka sendiri apabila menang dalam Pilihan raya kecil DUN 1998, mereka menubuhkan 'Kabinet Bayangan Perlis', namun nasib tidak menyelalui mereka apabila Perlis kekal di tangan BN dan kerusi Parlimen Arau telah dirampas semula daripada tangan Pas pada pilihan raya tersebut.⁶⁰

Realitinya, tidak dapat disangkal lagi, bahawa prestasi UMNO dalam pilihan raya kali ini agak menurun, dan ianya turut memberi hak kepada Pas untuk merampas beberapa buah negeri. Seperti yang saya sebutkan sebelum ini, semua ini bukanlah alasan untuk kita berdiam diri, parti UMNO harus berusaha memantapkan ‘pertahanan’ dan strateginya. Pemerintahan yang adil harus dijalankan walaupun UMNO kekurangan undi. Pas telah bertindak agak melampau dengan menghukum pegawai-pegawai kerajaan yang telah berkhidmat cemerlang dan baik untuk rakyat, umpamanya pesaraan awal atau perletakan jawatan mengejut Setiausaha Kerajaan negeri Terengganu Datuk Che Mat Jusoh.⁶¹

Wajarkah UMNO berdiam terus? Bagaimana strategi jangka panjang untuk menempuh pilihan raya akan datang? Nescaya semua itu bakal terjawab jika UMNO terus mantap dan dipercayai oleh ahli-ahlinya

Nota Hujung

-
1. *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.
 2. *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999 (Lihat *Berita Harian*, 1 Disember 1999, Penyata Suruhan jaya Pilihan raya bagi Pilihan raya 1999 belum diterbitkan lagi buat masa ini)
 3. *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999
 4. *Utusan Malaysia*, 30 November 1999.
Megat Junid memperolehi 10,710 undi berbanding 12,003 undi yang diterima oleh Mat Basir Rahmat. Antara sebabnya ialah pertukaran kawasan bertanding dan percalonan ke Parit pada saat terakhir, sedangkan heliau sesuai di Pasir Salak. Risalah-risalah yang disebarluaskan oleh pembangkang turut memberi kesan negatif (*Utusan Malaysia*, 30 November 1999)
Temuramah dengan Ali Soh (bukan nama sebenar) iaitu penyokong DAP dari Taiping, Perak. Namu samaran terpaksa digunakan kerana semasa temuramah dijalankan, isu Pilihan raya 1999 dianggap agak sensitif dan saya turut menghadapi masalah kerjasama serta bahasa dengan responden.
 5. *Utusan Malaysia*, 30 November 1999
Di Jeli, Timbalan Pengurus BN Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed tekad meneruskan bakti beliau kepada rakyat jeli, walaupun gagal mempertahankan kerusi Parlimen Jeli yang dipertahankan sejak pilihan raya 1995.
 6. *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.
Calon wanita kurang menyerasih kerana strategi pembangkang yang menurunkan calon mengikut sentimen politik pilihan raya. Sentimen yang digembar-gemburkan mengikut mood dan simpati kaum wanita seperti kes Anwar Ibrahim.
 7. *Berita Harian*, 1 Disember 1999.
 8. *Berita Harian*, 1 Disember 1999.
 9. *Berita Harian*, 1 Disember 1999.
 10. *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.
 11. *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.
 12. *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.
 13. *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.
 14. *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.
 15. *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.
 16. *Utusan Malaysia*, 30 November 1999.
 17. *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.
 18. *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.
 19. *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.
 20. Ahmad Lutfi Othman, *Realiti 2000, Gugat PAS?*, Penerbitan Pemuda, Selangor Darul Ehsan, 1995, hlm.
 21. *Berita Harian*, 1 Disember 1999.
 22. *Berita Harian*, 1 Disember 1999.
 23. Temuramah dengan salah seorang ahli Pas, Sazali Azidin (bukan nama sebenar), di rumahnya di Taiping, Perak pada 27 Ogos 2000. Responden agak sensitif mengenai Pilihan raya 1999, oleh itu nama sebenar terpaksa dirahsiakan atas permintaan responden itu sendiri.
 24. *Harakah*, 3 Disember 1999.
 25. *Harakah*, 3 Disember 1999.
 26. *Dewan Masyarakat*, Mac 1999, 'Pilihan kepimpinan UMNO kembali pada dasarnya', hlm. 23
 27. *MASSA*, 25 Disember 1999, 'UMNO, Waad dan Saad Man', hlm. 17.
 28. *Utusan Malaysia*, 11 Mei 2000.
 29. Temuramah dengan Ketua Pemuda UMNO, Bahagian Taman Raja Idris, Taiping, Perak. Saudara Zaidi Ismail pada 28 Ogos 2000.
 30. *Harakah*, 6 Disember 1999.
 31. *Dewan Masyarakat*, op. cit., hml. 17.

-
32. *Berita Harian*, 1 Disember 1999.
33. *Berita Minggu*, 5 Disember 1999.
34. *Utusan Malaysia*, 11 Disember 1999.
35. *Utusan Malaysia*, 11 Disember 1999.
36. *Utusan Malaysia*, 11 Disember 1999.
37. *Utusan Malaysia*, 11 Disember 1999
38. *Berita Harian*, 1 Disember 1999
39. *Berita Harian*, 13 Disember 1999.
40. *Berita Harian*, 11 Disember 1999.
41. *Utusan Malaysia*, 11 Disember 1999.
42. *Utusan Malaysia*, 11 Disember 1999
43. *Utusan Malaysia*, 11 Disember 1999.
44. *Utusan Malaysia*, 11 Disember 1999.
45. *Utusan Malaysia*, 11 Disember 1999.
46. *Utusan Malaysia*, 11 Disember 1999.
47. *Utusan Malaysia*, 11 Disember 1999.
48. *Utusan Malaysia*, 11 Disember 1999.
49. *Berita Minggu*, 12 Disember 1999.
50. *Berita Minggu*, 12 Disember 1999.
51. *Berita Minggu*, 12 Disember 1999.
52. *Berita Harian*, 10 Disember 1999.
53. *Dewan Masyarakat*, Haslina Hassan, 'Kabinet Baru dan Survival BN', hlm. 13.
54. *Berita Minggu*, 12 Disember 1999.
55. *Dewan Masyarakat*, 25 Disember 1999, 'Permainan Politik Kit Siang', hlm. 26-27.
Rujuk *Berita Harian*, 1 Disember 1999 dan *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.
56. *Ibid.*, hlm. 27.
57. *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.
58. *Berita Harian*, 1 Disember 1999.
59. *Harakah*, 3 Disember 1999.
60. *MASSA*, 25 Disember 1999, Zuki Pileh, 'Bayang-bayang Kabinet Pus', hlm. 18.
61. *MASSA*, 25 Disember 1999.